

Headline	<b>KLIUC tawar program Geomatik</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>05. Apr 2008</b>	Page No	<b>3b</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>717 cm2</b>
Section	<b>Supplement</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>833287</b>		



# KLIUC tawar program Geomatik

**I**NGIN mengetahui dengan lebih lanjut tentang apa yang dimaksudkan dengan Kejuruteraan Geomatik? Ia merupakan satu bidang yang cukup mencabar dan berpotensi pada masa kini.

Bidang geomatik telah dipraktikkan sejak sekian lama. Sebagai contoh, masyarakat Mesir dahulu kala menggunakan kaedah ini untuk proses mengukur tanah dan persempadanan kawasan bagi tujuan pungutan cukai.

Kini, istilahnya telah bertukar kepada geomatik. Istilah geomatik membawa maksud ukuran (matik) permukaan bumi (geo). Dahulu, jurusan ini lebih dikenali sebagai ukur tanah atau lebih mudahnya, ukuran sebidang tanah.

Sejak kehadiran teknologi baru seperti Sistem Penentuan Global (GPS), Sistem Maklumat Geografi (GIS), Penderiaan Jarak-jauh dan Fotogrametri, ia menjadikan skop dan aplikasi ukuran semakin luas.

Istilah geomatik ini meliputi pengaplikasian teknologi-teknologi baru ini. Selain daripada geomatik, terdapat satu lagi istilah yang sering digunakan iaitu geoinformasi. Ia meliputi pengaplikasian GIS bagi memperoleh, menyimpan, menganalisis dan mempersembahkan informasi spatial.

Informasi spatial boleh dilihat dalam bentuk peta atau pelan (yang diperoleh dari pengukuran di padang, imej dari penderiaan jarak jauh, foto dari udara, dan lain-lain lagi), koordinat, objek semulajadi atau buatan manusia serta banyak lagi.

Kini, kejuruteraan geomatik diaplikasikan secara meluas dalam industri seperti pembinaan, gas dan minyak, perladangan, perlombongan, Penderiaan Jarak-Jauh (MACRES), syarikat-syarikat GIS, ukur luar pantai, syarikat-syarikat juruukur tanah berlesen, Pejabat Tanah, Jabatan Ukur, Pegawai Teknikal Perisian Komputer berkaitan Pengukuran dan Pegawai Teknikal Peralatan Pengukuran.

Memandangkan bidang tersebut amat berguna dalam pembangunan negara, Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC) sebagai institusi ulung dalam bidang infrastruktur telah menawarkan pengajian Diploma Kejuruteraan Geomatik.

Program tersebut mendedahkan para pelajarnya dengan pengetahuan dan kemahiran bagi memenuhi keperluan semasa.

Diploma Kejuruteraan Geomatik yang memerlukan tempoh pengajian selama dua setengah tahun ini meliputi hampir subjek seperti Ukur Kejuruteraan, Ukur Kadestra, Astronomi, Undang-Undang Tanah dan Peraturannya, Lukisan Pelan, Hitungan Ukur, Ukur Automasi, Ukur Geodetik, Fotogrametri, Hidrografi, Sistem Maklumat Geografi (GIS), Sistem Penentuan Global (GPS) serta Penderiaan Jarak-jauh.

Program Diploma Kejuruteraan Geomatik di KLIUC mendapat akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang dahulunya dikenali sebagai Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Di samping itu, pelajar-pelajar Kejuruteraan Geomatik di KLIUC berpeluang untuk menyambung pengajian di luar negara melalui rakan universiti KLIUC di University of Newcastle dan University of Tasmania di Australia. Mereka boleh memohon untuk mendapatkan pindahan kredit dengan universiti-universiti tersebut.

KLIUC kini sedang giat menjalankan persediaan untuk menganjurkan Simposium dan Pameran Geoinformasi Antarabangsa (ISG 2008) yang akan diadakan pada 13-15 Oktober 2008.

Program ini adalah anjuran bersama Institut Sosial Malaysia (ISM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Univer-

siti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) yang turut mendapat sokongan daripada Jabatan Ukur & Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Lembaga Juruukur Malaysia (LJT).


Selain Diploma Kejuruteraan Geomatik, KLIUC turut menawarkan program-program kejuruteraan yang lain termasuklah kejuruteraan awam, kejuruteraan automotif, automotif guna, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan elektronik, kejuruteraan elektronik dan komunikasi serta pengurusan binaan.

Untuk pengambilan terakhir Mac, anda dinasihatkan mendaftar secara *walk-in* ke Bahagian Pemasaran KLIUC, Taman Ilmu Ikram, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor. Sila bawa salinan sijil akademik, kad pengenalan, sijil berhenti sekolah dan RM30 bagi tujuan pemprosesan. Borang permohonan juga boleh didapati secara percuma melalui laman web di [www.kliuc.edu.my](http://www.kliuc.edu.my). Hubungi talian 03-89266993/8738 3260 atau faks ke 03-8925 9846 atau e-mel [inquiry@kliuc.edu.my](mailto:inquiry@kliuc.edu.my).

Headline **KLIUC tawar program Geomatik**  
Date **05. Apr 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**



KEJURUTERAAN geomatik kini semakin mendapat permintaan tinggi di pasaran.



### Info KLIUC

KOLEJ Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Teknologi Ikram (ICT) merupakan salah sebuah anak syarikat kepada Protasco Berhad, syarikat yang disenarai di papan utama Bursa Malaysia.

Pada 13 September 2003, KLIUC melakar sejarah tersendiri apabila ia memperoleh kelulusan penuh daripada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk dinaikkan taraf kepada Kolej Universiti.

KLIUC menawarkan program-program pada peringkat asas, diploma, sarjana muda dan sarjana. Program pada peringkat PhD juga akan ditawarkan pada masa akan datang.

Selain itu, KLIUC telah dianugerahkan dengan status MSC dan menerima pengiktirafan ISO 9001 untuk memastikan pengurusan dan operasi yang dijalankan adalah berkualiti, cekap dan berkesan selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan.

Kampus KLIUC terletak di kawasan seluas 100 ekar yang dilengkapi dengan kemudahan bertaraf universiti dan kelengkapan terkini yang mana memberi keselesaan kepada para pelajar.

Pengambilan pelajar ke KLIUC dijalankan tiga kali setahun iaitu pada bulan Mac, Jun dan November.